

Menulis

Rak petikan di bawah ini. Kemudian, betulkan kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan. **SP 3.7.1**

pada petang itu, Azli ke kebun sayurnya semula. Dia mahu melihat sendiri keadaan sayur-sayurnya selepas dilanda banjir kilat semalam petang. Dia menonton banyak tanaman-tanamannya itu musnah dan hilang dibawa arus air. Azli merasa kecewa apabila melihat keadaan tersebut tetapi dia berazam untuk meneruskan usahanya. Dia seorang yang tidak mengenal erti berputus asa.

Azli teringat akan rakan baiknya, Hamizi. Nasib Hamizi juga sama seperti nasibnya. Banyak tanaman yang diusahakannya telah rosak akibat bencana banjir. Dia bergegas menemukan Hamizi. Rakannya itu memberikan kata-kata semangat kepadanya agar terus berusaha keras. Hamizi berkata, jika terus berusaha, kejayaan pasti akan dapat dicapai.

Selepas mendengar kata-kata Hamizi itu, timbul satu semangat dalam jiwa Azli. Dia berazam untuk mengusahakan semula tanamannya. Mulai esok, dia akan mengasingkan mana-mana sayur yang masih boleh diselamatkan dan menyemai semula benih-benih sayur bagi menghasilkan lebih banyak sayur yang cergas dan berkualiti.

Kamus Mini

1. musnah – binasa sama sekali, hilang lenyap, rosak
2. arus – gerakan air atau udara
3. timbul – muncul, keluar, kelihatan
4. cergas – bertenaga, aktif, giat

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 semalam petang	
2 menonton	
3 tanaman-tanamannya	
4 merasa	
5 berputus asa	
6 menemukan	
7 cergas	